

Beri fokus utama kepada belia bumiputera

KUALA LUMPUR - Kerajaan disaran memberi fokus utama terhadap golongan belia bumiputera demi memperkasakan ekonomi bumiputera untuk jangka masa panjang supaya mereka tidak ketinggalan.

Pensyarah Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia, Mohamad Noorizuddin Nooh berkata, inisiatif baharu kerajaan untuk memperkasa ekonomi bumiputera harus bermula daripada belia untuk menjamin hasil yang cemerlang.

Katanya, kerajaan harus memberi akses lebih banyak terhadap pembiayaan kewangan mikro kredit untuk melonjakkan ekonomi bumiputera bagi jangka masa panjang.

"Dalam hal ini, belia bumiputera yang



NOORIZUDDIN



AMIR HUSSIN

kini berminat dan menagih peluang perniagaan harus diberi perhatian.

"Penstrukturan skim dan pinjaman secara efektif akan memastikan mereka dapat menagih pulangan lumayan dan lebih cepat," ujarnya ketika dihubungi semalam.

Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia, Profesor Datuk Dr. Amir Hussin Baharuddin pula mencadangkan sektor seperti pelancongan dan automotif diperkasa daripada segi latihan dan sokongan berterusan untuk belia dan usahawan bumiputera.

Ujar beliau, inisiatif memperkasakan ekonomi hanya akan berjaya jika suntikan berbentuk latihan dan sokongan terus diterap dalam diri peniaga bumiputera.

"Kita boleh melancarkan inisiatif dengan pelbagai pinjaman kewangan, namun apa gunanya jika ia tidak menampakkan hasil tanpa penglibatan 100 peratus golongan sasaran," tegasnya.